

21/03/1999

Pembangunan pesat jika negara aman

Ebi Azly Abdullah

BUKIT BERUNTUNG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat hidup lebih tersusun, selesa dan aman damai supaya kerajaan boleh memajukan negara dengan lebih pesat serta membangun.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mahu mewujudkan masyarakat yang boleh hidup dengan sempurna, sesuai dengan status sebuah negara yang sudah mencapai kemajuan pesat.

"Tetapi niat ini tidak akan tercapai melainkan rakyat mewujudkan suasana dalam negara yang sesuai untuk pembangunan, sesuai untuk kemajuan... iaitu suasana yang aman dan tenteram.

"Apabila negara kita aman dan tenteram, banyak perniagaan akan ditumpukan kepada negara kita dan kita dapat nikmat daripadanya.

"Nikmat daripada peluang pekerjaan, kenaikan gaji, tambahan peluang perniagaan, kenaikan harga tanah, kenaikan harga segala-galanya yang memberi untung kepada kita," katanya berucap di majlis penyerahan kunci kepada pembeli rumah kos rendah Taman Bunga Raya di sini, petang semalam.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

Dr Mahathir berkata, pembelian hartanah pada masa ini adalah suatu pelaburan menguntungkan bagi rakyat kerana harga rumah akan meningkat pada masa akan datang.

Beliau turut meminta rakyat supaya hidup sebagai sebuah bangsa maju, dengan menitikberatkan kebersihan sekeliling serta mengetepikan amalan yang tidak lagi sesuai pada zaman ini.

"Jika kita hendak menjadi sebuah negara maju, maka kita mesti hidup sebagai sebuah bangsa yang maju. Cara kotor seperti mengotorkan keadaan sekeliling atau jemur kain dengan menghulurkan batang buluh, tidak sesuai pada zaman sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus bersedia mengubah corak hidup seperti mengguna kemudahan seperti kedai dobi dan pusat pengeringan pakaian dan pasar ikan supaya kehidupan mereka lebih sempurna dan memberi imej yang lebih baik.

Beliau menasihatkan penghuni rumah berkenaan supaya sanggup membayar sedikit untuk menikmati kemudahan tambahan, yang turut bererti menikmati kehidupan yang lebih selesa dan baik.

Dr Mahathir menjelaskan teguran itu dibuat dengan niat supaya rakyat Malaysia hidup dengan lebih sempurna.

Pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan sendiri akan membina rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, selain sektor swasta.

Bagaimanapun, katanya, rumah kos rendah yang dimajukan oleh kerajaan itu tidak akan dijual, sebaliknya akan disewa kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kerajaan akan bina sendiri rumah kos rendah tetapi untuk disewa supaya mereka yang berpendapatan rendah ada rumah untuk disewa dengan harga yang berpatutan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mengambil keputusan membina rumah kos rendah kerana jumlah rumah kos rendah yang sepatutnya dibina di ibu kota oleh sektor swasta sebanyak 300,000 unit, didapati masih belum mencukupi.

"Bagaimanapun kerajaan berpuas hati dengan prestasi syarikat perumahan membina rumah kos rendah di seluruh negara setakat ini," katanya.

(END)

